



CADANGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT

Sempena Persediaan Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Peringkat Negeri Terengganu 2016

“PENJAGAAN ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA: KEMEROSOTAN KUALITI UDARA AKIBAT AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَهَا وَالْقَيْنَا فِيهَا رَوْسِي وَأَنْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ مَوْزُونٍ ﴿١٩﴾ وَجَعَلْنَا
لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَ وَمَنْ لَسْتُمْ لَهُ بِرِزْقِينَ ﴿٢٠﴾ الْحَجَر: 19-20
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara ketika ini akibat fenomena *El Nino*, maka mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tajuk khutbah Jumaat iaitu: “**PENJAGAAN ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA**” dengan memberi fokus kepada kemerosotan kualiti udara akibat aktiviti pembakaran terbuka.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Islam melarang umatnya dari melakukan sebarang bentuk kerosakan di atas muka bumi. Ini termasuk kerosakan jiwa, harta benda dan **alam sekitar**. Bahkan umat Islam wajib mencontohi akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam memastikan hubungan dengan alam terus terpelihara. Berdasarkan sifat rahmat yang dibawa oleh Baginda SAW adalah untuk sekalian alam, maka apa sahaja kehidupan di atas alam ini wajib diberikan hak kehidupannya mengikut *sunatullah*.

Manusia yang bijak mengguna akal fikiran akan bertambah mulia martabat mereka sekiranya dapat memanfaatkan khazanah alam dengan baik. Firman Allah lagi di dalam Surah Sajdah ayat 4:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ مَا لَكُمْ مِّن دُونِهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian ia bersemayam di atas Arasy, kamu tidak akan beroleh sebarang penolong dan pemberi syafa'at selain dari Allah, oleh itu tidakkah kamu mahu insaf dan mengambil iktibar (untuk mencapai keredhaan-Nya).”

Namun persoalan besar yang timbul ialah tindakan segelintir manusia yang tidak bersyukur dengan anugerah Allah SWT, tetapi ghairah mengeluarkan kekayaan dari perut bumi dan kerakusan menambah harta kekayaan sewenang-wenangnya sehingga merosakkan ekosistemnya, memberi kesan jangka masa panjang yang menyebabkan bencana yang tidak dijangka berlaku seperti meningkatnya paras air laut, meningkatnya suhu, banjir besar, gempa bumi, dan perubahan cuaca yang tidak menentu. Sikap kealpaan manusia dalam mengejar kemajuan pembangunan tanpa menghiraukan peringatan-peringatan yang disampaikan oleh para Rasul telah merosakkan perjalanan sistem makhluk kejadian Allah di atas muka bumi ini.

Cuba kita sama-sama renung dan fikir sejenak “Kenapa alam sekitar perlu dicintai dan dipelihara?” Seperti yang kita sedia maklum, alam sekitar adalah anugerah Allah kepada kita semua. Udara yang kita sedut misalnya perlu dipelihara demi memastikan makhluk Allah sejagat dapat bernafas udara yang segar dan tidak tercemar dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing secara efisien di dunia. Sekiranya tumbuh-tumbuhan tidak dapat menyedut gas karbon dioksida dalam kitaran hidupnya ini secara tidak langsung akan menjejaskan kehidupan manusia yang bergantung harap kepada tumbuh-tumbuhan untuk mendapatkan bekalan oksigen bagi tujuan pernafasan dan juga makanan dari komponen-komponen tumbuhan berkenaan. Saling kebergantungan sesama makhluk Allah SWT di muka bumi akan mewujudkan suasana yang harmoni seterusnya memastikan alam sekitar menjadi seimbang dan sesuai untuk didiami oleh setiap makhluk yang hidup.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Udara yang bersih adalah sangat penting bagi kehidupan manusia. Ia merupakan anugerah Allah SWT kepada makhlukNYA. Walau bagaimanapun, bekalan udara bersih adalah terhad kerana jirim-jirim halus atau habuk senantiasa ditiup angin dari satu tempat ke satu tempat. Walaupun udara bersih itu diperolehi secara percuma, tiada sebab untuk kita mencemarinya. Pencemaran udara berlaku apabila sesuatu bahan atau sekumpulan bahan yang dilepaskan ke udara membahayakan atau menjejaskan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain organisma.

Mengambil contoh apa yang berlaku apabila Negara telah dikejutkan dengan krisis jerebu merentas sempadan yang melanda pada tahun lepas yang disebabkan oleh aktiviti pembakaran terbuka yang tidak terkawal di Negara jiran kita. Ratusan ribu hektar kawasan hutan dan belukar telah terbakar

sehingga mengakibatkan keadaan jerebu merentas sempadan yang bukan sahaja menyebabkan masalah pencemaran udara yang serius tetapi juga mengganggu kehidupan harian manusia dan aktiviti ekonomi seperti pelancongan.

Sebab itulah, saudara-saudara Muslimin yang dihormati sekalian, kita haruslah sensitif terhadap aktiviti-aktiviti yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara sehingga mengakibatkan jerebu, terutamanya **pembakaran terbuka**. Maka perlulah kita sedar bahawa alam sekitar yang dikurniakan kepada kita ini **perlu dipelihara**. Allah SWT menjelaskan di dalam surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: “Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia, timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Yakinlah bahawa perubahan alam sekitar yang kadangkala hujan dan kadangkala panas terik dan kering ini lebih merupakan satu **ujian dan teguran** daripada Allah SWT. Kita hendaklah merasa takut kepada Allah SWT iaitu takut kepada kemurkaan, seksaan dan azab-Nya. Rasa takut ini boleh menyerap ke dalam jiwa, jika kita menyedari betapa azab Allah di akhirat sungguh dahsyat. Bayangkanlah, dengan hanya satu gigitan nyamuk sahaja sudah mampu untuk membunuh manusia dewasa yang sihat walafiat. Apatah lagi dengan azab api neraka Allah. Sudah pastilah kita tidak akan mampu menahan azab seksa-Nya. Ini jelas membuktikan bahawa betapa kerdil dan lemahnya diri kita ini berbanding kekuasaan dan kehebatan Allah SWT.

Percayalah, apabila seseorang itu takut kepada Allah SWT, dirinya akan sentiasa merasa malu dengan Allah, sentiasa rasa diperhatikan dan tindakannya pasti mengikut batasan syariat yang akhirnya pasti melahirkan kebaikan untuk umat manusia dan alam ini.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Berikutan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara ketika ini yang dijangka akan berterusan sehingga bulan Mac nanti, dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20% - 60% dan kenaikan suhu sekitar $0.5^{\circ}\text{C} - 2.0^{\circ}\text{C}$. Kejadian ini disebabkan oleh kejadian fenomena *El Nino*. Sebarang aktiviti pembakaran terbuka walaupun yang berskala kecil **amat berpotensi** merebak dan seterusnya boleh menyebabkan berlakunya **fenomena jerebu** yang boleh menjejaskan kualiti udara serta mengundang pelbagai permasalahan dan menjejaskan aktiviti harian kita. Pembakaran terbuka yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda serta nyawa. Sekiranya fenomena ini tidak dikawal sebaik mungkin ianya boleh menyebabkan krisis dan bencana.

Rata-rata didapati penduduk-penduduk kita suka mengambil jalan mudah untuk melupuskan sisa buangan atau sampah sarap iaitu dengan cara membakar, walaupun terdapat tong-tong sampah yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan masing-masing.

Pembakaran sampah sarap dan sisa buangan dari rumah ataupun pembakaran terbuka bagi tujuan pembersihan kawasan dan aktiviti pertanian atau perladangan, bukan sahaja menyebabkan berlakunya kemerosotan kualiti udara tetapi juga menimbulkan kacau ganggu kepada kawasan kejiranan tempat kita tinggal. Bagi warga tua dan juga kanak-kanak, asap yang terhasil daripada pembakaran terbuka ini mudah menyebabkan gangguan kesihatan seperti gangguan pernafasan, lelah, pedih mata, batuk dan berbagai penyakit

lagi. Asap yang terhasil daripada pembakaran sampah sarap dari rumah yang dilakukan secara terbuka mengandungi bahan **karsinogen** atau bahan penyebab kanser yang **11 kali ganda** lebih bahaya daripada pembakaran yang dilakukan di dalam insinerator secara terkawal dan tertutup. Aktiviti pembakaran terbuka ini juga seringkali menyebabkan **keharmonian** di kalangan penduduk tempatan **tergugat** kerana sikap **tidak bertanggungjawab** ini memberi implikasi yang **negatif** kepada penduduk berdekatan yang akhirnya akan menjejaskan hubungan baik kejiranan.

Islam juga telah meletakkan garis panduan umum terhadap pencemaran udara sebagaimana yang terdapat dalam sebuah riwayat mengatakan Rasulullah SAW melarang mereka yang mempunyai bau mulut yang busuk daripada datang ke masjid kerana dikhuatiri akan mengganggu orang yang hendak beribadat. Hadis ini telah diriwayatkan oleh Jabir ibn Abdullah, di mana Rasulullah SAW telah bersabda, "*Sesiapa yang makan bawang putih atau bawang haruslah menjauhi diri dari kami dan juga dari masjid kami.*" Hadis ini jelas menerangkan kepada kita bahawa sebarang bentuk pencemaran walaupun sedikit yang boleh mengganggu ketenteraman umum hendaklah dielakkan, apatah lagi pencemaran itu dalam bentuk yang membahayakan keselamatan umum seperti gas beracun, sisa toksik, asap hitam dan sebagainya.

Muslimin yang dimuliakan,

Selain gangguan kesihatan, aktiviti pembakaran terbuka ini juga boleh mengundang malapetaka yang lebih dahsyat iaitu kebakaran hutan atau belukar apabila ianya merebak; lebih-lebih lagi jika ianya berlaku di **tanah gambut** yang **tiada sumber air** untuk aktiviti pemadaman. Ratusan ribu ringgit dibazirkan untuk kos pemadaman kawasan hutan atau belukar yang terbakar ini di samping Negara boleh kerugian sumber alam semulajadi yang tidak ternilai harganya dalam bentuk kemusnahan terhadap pelbagai hidupan flora

dan fauna di kawasan yang terjejas. Negeri Terengganu sendiri tidak terkecuali daripada malapetaka ini sepertimana yang telahpun berlaku di Mukim Tok Kah, Dungun pada awal tahun 2014 yang mengambil masa hampir 2 bulan untuk padam sepenuhnya.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Menyedari bencana alam sebagai hak mutlak Allah SWT yang tidak diduga, maka kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam mengurus dan mengurangkan kesan bencana alam perlu dilakukan. Di negara kita, Jabatan Alam Sekitar adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Fungsi utamanya adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal dan membaiki alam sekeliling agar senantiasa terpelihara melalui penguatkuasaan dan program kesedaran serta pendidikan kepada masyarakat. Namun, segala usaha tersebut perlulah diperkukuhkan melalui sokongan dan kerjasama padu semua pihak termasuklah kita semua.

Mimbar ingin mengingatkan bahawa menjadi kewajipan semua pihak memastikan alam sekitar dipelihara dengan selamat. Inilah masanya semua umat Islam mesti sedar dan perlu memastikan sebarang rancangan pembangunan dan kegiatan sosio ekonomi masyarakat mestilah tidak merosakkan ekologi alam sekitar. Elakkanlah daripada melakukan pembakaran terbuka dan pembuangan sampah yang tidak terkawal. Berusahalah untuk menghindari diri dan tempat tinggal dari sebarang bencana dengan menunaikan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan tegahan-Nya, kerana sesungguhnya **bencana adalah sebahagian daripada balasan dan ujian dari Allah SWT.**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar menyeru kepada sidang jemaah dan umat Islam sekalian, marilah kita bersama bersatu hati di bawah satu

lambang perpaduan, menyemai sikap kasih sayang dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Mimbar yakin jika semua manusia kembali kepada matlamat kehidupan yang sebenar, maka bumi yang kita diami ini akan kembali aman dan tenang serta tiada lagi kegelisahan, ketakutan dan kebimbangan seperti akibat cuaca panas terik dan kering yang sedang dihadapi.

Marilah sama-sama kita mengurus amanah Allah SWT ini dengan rasa bertanggungjawab, beramanah, dan jujur bagi mengelak berlakunya kesan buruk terhadap alam sekitar khususnya udara yang kita bernafas. Ingatlah anugerah Allah SWT ini akan menjadi rahmat kepada kita, maka perlu disyukuri dengan memelihara sebaik-baiknya dan dalam masa yang sama juga boleh menjadi bala bencana serta azab yang tersiksa, sekiranya kita tidak bersyukur dengan mengabaikannya. Dengan itu, seharusnya umat Islam mengambil manfaat dan menambahkan ketakwaan atas kebesaran kejadian Allah ini. Marilah sama-sama kita merenung firman Allah dalam surah al-Araf ayat 97-98:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَفَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا بَيِّنًا وَهُمْ نَائِمُونَ ﴿٩٧﴾ أَوْ أَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن
يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩٨﴾

Maksudnya: "Patutkah penduduk negeri-negeri itu merasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada malam hari, semasa mereka sedang tidur? Atau patutkah penduduk negeri itu merasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada siang hari, semasa mereka leka bermain-main?"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.